
GARIS PANDUAN PROGRAM AGROPRENEUR MUDA, KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	TUJUAN	4
2.0	PENGENALAN	4
3.0	OBJEKTIF PROGRAM	4
4.0	SKOP PROGRAM	5
5.0	KATEGORI PROGRAM	5
6.0	KUMPULAN SASAR	6
7.0	SYARAT DAN KELAYAKAN PEMOHON	6
8.0	JENIS BANTUAN	6
9.0	MEKANISME PELAKSANAAN	
	9.1 PERMOHONAN	7
	9.2 PENILAIAN	8
	9.3 KELULUSAN ATAU PENOLAKAN PERMOHONAN	8
	9.4 PELAKSANAAN	9
	9.5 PEMANTAUAN DAN PELAPORAN	10
10.0	PENUTUP	10
11.0	ALAMAT DAN NO TELEFON SERTA NO FAKS PENTING	10-13
12.0	CARTA ALIR	
	12.1 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PROJEK	14

	PERMULAAN	
12.2	CARTA SEMAK PROSES PERMOHONAN GERAN IKC	15
12.3	CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PROJEK	16
	PENGEMBANGAN	
12.4	CARTA SEMAK PROSES PERMOHONAN PEMBIAYAAN	17
	PENGEMBANGAN	
12.5	CARTA ALIR PROSES PEMBEKALAN GERAN IKC	18
12.6	CARTA ALIR PROSES PEMBAYARAN GERAN IKC	19
12.7	CARTA ALIR PELAKSANAAN PEMANTAUAN	20
	PROGRAM AGROPRENEUR MUDA	
13.0	LAMPIRAN	
13.1	LAMPIRAN 1 : PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS	21
	RANCANGAN	
13.2	LAMPIRAN 2: BORANG PENDAFTARAN UAM	22
13.3	LAMPIRAN 3: BORANG PENILAIAN PERMOHONAN	23
13.4	LAMPIRAN 4: SURAT AKU JANJI TAWARAN BANTUAN	24
	GERAN IN KIND CONTRIBUTION	
13.5	LAMPIRAN 5: BORANG PENILAIAN SEBUTHARGA	25
	PEMBEKALAN	
13.6	LAMPIRAN 6: BORANG PEMBEKALAN	26
13.7	LAMPIRAN 7: BORANG LAPORAN PEMANTAUAN	27-28
13.8	LAMPIRAN 8: BORANG KEMAJUAN PRESTASI USAHAWAN	29
13.9	LAMPIRAN 9: BORANG PERMOHONAN PINJAMAN	30-33
	AGROBANK	
13.10	LAMPIRAN 10: BORANG PERMOHONAN PINJAMAN	34-35
	TEKUN NASIONAL	

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan kepada pegawai dan kumpulan sasar yang terlibat untuk pelaksanaan Program Agropreneur Muda di bawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA) mengikut kaedah dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani.

2. PENGENALAN

Program ini khusus untuk golongan belia yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Pendekatan program ini adalah bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan belia dalam bidang keusahawanan berasaskan aktiviti pertanian merangkumi semua aktiviti di dalam rangkaian nilai industri pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani termasuk pemasaran, khidmat sokongan dan agropelancongan.

3. OBJEKTIF PROGRAM

Objektif Program Agropreneur Muda adalah seperti berikut:

- 3.1 Menarik golongan belia berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi bidang pertanian.
- 3.2 Mengubah persepsi golongan belia terhadap sektor pertanian sebagai industri yang berdaya maju.
- 3.3 Meningkatkan pendapatan agropreneur muda melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif.
- 3.4 Menjadikan industri agromakanan sebagai bidang kerjaya masa depan yang menjana pendapatan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (2011 – 2020).

4. SKOP PROGRAM

Program Agropreneur Muda dilaksanakan untuk golongan belia yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi aktiviti projek mengikut sub sektor seperti berikut:

- a) Tanaman
- b) Ternakan
- c) Perikanan
- d) Industri Asas Tani
- e) Agropelancongan
- f) Pemasaran dan perkhidmatan sokongan industri

5. KATEGORI PROGRAM

5.1 Projek Permulaan

- a) Belum memulakan projek
- ii. Telah menjalankan projek kurang dari tempoh setahun atau masih belum mencapai sasaran pengeluaran secara optimum
- iii. Mendapat sokongan teknikal daripada Jabatan/Agensi di bawah MOA.

5.2 Projek Pengembangan

- a) Projek sedia ada melebihi tempoh setahun beroperasi
- b) Projek berdaya maju dan sesuai untuk penambahan kapasiti bagi pembesaran
- c) Mendapat sokongan teknikal daripada Jabatan/Agensi di bawah MOA.

6. KUMPULAN SASAR

- 6.1 Individu
- 6.2 Graduan
- 6.3 Ahli Syarikat/Enterprise yang berdaftar perniagaan di Malaysia.
- 6.4 Ahli Koperasi/Kumpulan & Pertubuhan yang diiktiraf oleh Kerajaan
- 6.5 Projek berkumpulan yang dianjurkan Koperasi/ Pertubuhan/ Persatuan/ Kelab yang berdaftar dan disokong Jabatan/ Agensi di bawah MOA.

7. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

- 7.1 Syarat-syarat bagi melayakkan pemohon menyertai Program Agropreneur Muda adalah seperti berikut:
 - i) Warganegara Malaysia;
 - ii) Golongan belia berumur di antara 18 hingga 40 tahun;
 - iii) Tidak mengira latar belakang pendidikan;
 - iv) Belia yang baru memulakan projek, **WAJIB** mengikuti program latihan teknikal yang dianjurkan atau diiktiraf oleh Jabatan/Agensi di bawah MOA yang berkaitan;
 - v) Keutamaan kepada belia yang mempunyai kemudahan tanah & premis sediada.
- 7.2 Permohonan menggunakan borang UAM 01/14 (pin. 1/16) dan setiap pemohon layak mengemukakan satu (1) permohonan sahaja.

8. JENIS BANTUAN

Jenis bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:

- 8.1 Khidmat nasihat teknikal dan latihan secara intensif melalui **Program Pengembangan** yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi atau Syarikat Peneraju (dilantik oleh MOA) berkaitan dengan projek yang dijalankan;

8.2 **Sumbangan berbentuk barangan (*In-kind contribution*)** mengikut jenis projek yang dicadangkan. Ini merupakan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan supaya pelaksanaannya akan dapat memberikan impak yang lebih besar.

***HANYA LAYAK KEPADA PESERTA DIBAWAH KATEGORI PROJEK PERMULAAN.**

8.3 **Pakej Khas Pembiayaan** bagi pembesaran projek pertanian sediada dengan had maksimum pembiayaan daripada agensi pembiaya seperti berikut:

- i. Agrobank – RM 50,000 hingga RM 200,000 bagi setiap projek
- ii. TEKUN Nasional – Sehingga RM 50,000 bagi setiap projek

***HANYA LAYAK KEPADA PESERTA DIBAWAH KATEGORI PROJEK PENGEMBANGAN.**

9. MEKANISME PELAKSANAAN

9.1 Permohonan

i) Golongan belia yang layak perlu membuat permohonan di Pejabat Jabatan/Agensi Daerah di bawah MOA, MAFI (Negeri Sabah) dan MOARE (Negeri Sarawak) atau Negeri (bagi agensi yang tidak mempunyai pejabat di daerah) yang terdekat dengan melengkapkan dokumen-dokumen berikut:

- a) Borang UAM 01/14 (pin. 1/16) berserta salinan kad pengenalan dan gambar berukuran passport; dan
- b) Kertas Rancangan Perniagaan yang lengkap (rujuk Lampiran 1); dan
- c) Borang permohonan pembiayaan Agrobank atau TEKUN Nasional (bagi permohonan kategori **Projek Pengembangan**); atau

- d) Menyertakan sijil latihan/kursus berkaitan projek (bagi permohonan kategori **Projek Permulaan**).

9.2 Penilaian

- i. Permohonan akan disiasat dan dinilai oleh pegawai Jabatan/Agensi Daerah/Negeri di bawah MOA, MAFI (Negeri Sabah) dan MOARE (Negeri Sarawak) bagi mengesahkan status dan operasi projek dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** dengan menggunakan Borang Penilaian Projek (rujuk Lampiran 3).
- ii. Kemudian, permohonan dikemukakan kepada Jabatan/Agensi Peringkat Negeri bagi diproses dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** untuk sokongan dan pertimbangan.
- iii. Seterusnya, permohonan dikemukakan kepada Jabatan/Agensi Peringkat Ibu Pejabat untuk menyemak dokumen-dokumen serta surat sokongan yang lengkap sebelum dihantar ke UAM, MOA dalam tempoh **empat (4) hari bekerja**.

9.3 Kelulusan atau penolakan

- i. Permohonan berserta dokumen-dokumen yang lengkap dari Jabatan/Agensi Ibu Pejabat akan dikemukakan kepada pihak UAM, MOA untuk kelulusan atau penolakan sesuatu permohonan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Geran IKC & Pembiayaan dan Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Geran IKC.
- ii. Dokumen Tawaran Kelulusan beserta Surat Aku Janji serta Borang Penilaian Sebutharga Pembekalan akan dikemukakan kepada pemohon dan Jabatan/Agensi dalam tempoh **tujuh (7) hari waktu bekerja**.

9.4 Pelaksanaan

- i) Surat Aku Janji dan Borang Penilaian Sebutharga Pembekalan hendaklah dipulangkan dalam tempoh sah laku berserta tiga (3) sebutharga yang lengkap (SSM/MOF) yang disahkan oleh Jabatan/Agensi Daerah/Negeri.
- ii) Setelah permohonan diluluskan, Jabatan/Agensi peringkat daerah bertanggungjawab menguruskan bantuan kepada pemohon Geran IKC yang akan diselaraskan oleh Jabatan/Agensi Ibu Pejabat masing-masing.
- iii) Bagi program khidmat nasihat dan latihan, akan diselaraskan di peringkat Negeri mengikut jadual berkala sediaada yang telah diatur oleh Jabatan/Agensi di sepanjang tahun
- iv) Manakala untuk perolehan Geran IKC, peruntukan akan disalurkan kepada pembekal secara terus berkaitan projek yang diluluskan melalui agensi pembayar (Agrobank).

***HANYA LAYAK KEPADA PESERTA DIBAWAH KATEGORI PROJEK PERMULAAN.**

- v) **Pakej Khas Pembiayaan** bagi pengembangan projek pertanian sediaada dengan jumlah pembiayaan yang telah diluluskan daripada agensi pembiaya mengikut prosedur yang ditetapkan seperti berikut:
 - a) Pengeluaran wang adalah secara berperingkat mengikut kemajuan projek dan perlulah disokong berdasarkan dokumen yang sah.
 - b) Wang yang dikeluarkan akan disalurkan ke akaun pelanggan dengan Bank
 - c) Tertakluk kepada terma dan syarat sediaada yang ditetapkan oleh Agrobank dan TEKUN Nasional

9.5 Pemantauan dan Pelaporan

- i) Pemantauan akan melibatkan Jawatankuasa Penyelarasan dan Pemantauan Program Agropreneur Muda Peringkat Daerah dan Negeri mengikut projek
- ii) Jabatan/Agensi pembimbing perlu melaporkan kemajuan pelaksanaan projek kepada Urusetia UAM pada setiap bulan atau mengikut kesesuaian projek dengan menggunakan Borang Laporan Pemantauan UAM 02/14 (pin.1/15)

10. **PENUTUP**

- 10.1 Pelaksanaan pembangunan usahawan agropreneur muda di dalam sektor pertanian akan menarik minat lebih ramai golongan belia sebagai pelapis supaya industri agromakanan negara berdaya maju.
- 10.2 Program ini dijangka mampu meningkatkan pendapatan pengusaha khususnya golongan belia melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti dan harga pasaran yang tinggi.
- 10.3 Pelaksanaan projek ini akan menyokong usaha kerajaan untuk memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi, menepati kehendak pasaran, berkualiti dan selamat dimakan.
- 10.4 Golongan muda merupakan generasi baru yang akan menjadi harapan negara di masa akan datang agar sektor pertanian tetap menjadi sektor pilihan yang boleh menjana pendapatan tinggi dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

11. **ALAMAT DAN NO TELEFON SERTA NO FAKS PENTING**

a) **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

Pengarah

Unit Agropreneur Muda & NBOS

Aras 1, Wisma Tani, Lot 4G1

No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4

62624 Putrajaya

No. Telefon : 03-8870 1234/1235

No Faks : 03-8888 2898

- b) **Ketua Pengarah**
Jabatan Pertanian Malaysia
Aras 17, Wisma Tani
No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4
62624 PUTRAJAYA
(u.p: Bhg Pengembangan Pertanian & Industri Asas Tani)
No. Tel : 03-8870 3000 / 3439
No. Faks : 03-8888 5069 / 8870 3377
- c) **Ketua Pengarah**
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Aras G-1, Lot 4G2, Wisma Tani, Blok Podium
28 Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 PUTRAJAYA
(u.p: Bhg Pembangunan Komoditi Ternakan)
No. Tel : 03-8870 2000 / 2202 / 2403
No. Faks : 03-8888 8685 / 8178
- d) **Ketua Pengarah**
Jabatan Perikanan Malaysia
Aras 2-3, Podium 1, Lot 4G2
28 Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 PUTRAJAYA
(u.p: Bhg Pengembangan dan Pemindahan Teknologi)
No. Tel : 03-8870 4006 / 4413 / 4416
No. Faks : 03-8889 5490 / 8870 4551
- e) **Ketua Pengarah**
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
Peti Surat 12301, Pejabat Pos Besar
50774 KUALA LUMPUR
(u.p: Pusat Promosi dan Pembangunan Perniagaan, Program Agropreneur Muda)
No. Tel : 03-8953 6801
No. Faks : 03-8953 6777
- f) **Ketua Pengarah**
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Bangunan FAMAPPOINT, Lot 17304
Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves
SELANGOR.
(u.p: Bahagian Agropreneur Muda dan Projek Khas)
No. Tel : 03-6126 2020 / 4060
No. Faks : 03-6137 1357

- g) **Ketua Pengarah**
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
Aras 2, Wisma LKIM, Jalan Desaria
Pulau Meranti
47120 Puchong
SELANGOR
(u.p: Seksyen Pembangunan Usahawan)
No. Tel : 03-8064 9072
No. Faks : 03-8060 3143
- h) **Ketua Pengarah**
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
Aras 10, Menara LPP, No. 20
Jln. Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
(u.p: Bahagian Pembangunan Usahawan)
No. Tel : 03-2697 1033
No Faks : 03-2697 0988
- i) **Ketua Pengarah**
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)
No. 5, Wisma Nanas
Jalan Padi Mahsuri, Bandar Baru UDA
81200 JOHOR BHARU
(u.p: Unit Projek Khas)
No. Tel : 03-8943 2101
No. Faks : 03-8943 2122
- j) **Pengurus Besar**
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
Ampang Jajar
05990 Alor Setar
KEDAH
(u.p: Seksyen Pembangunan Usahawan)
No.Tel : 04-731 2743 / 733 5358
No. Faks: 04-730 9355
- k) **Pengurus Besar**
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
Kampung Padang Enggang, Jalan Pasir Hor
15100 Kota Bharu
KELANTAN.
(u.p: Bahagian Industri Asas Tani)
No.Tel : 09-743 8088
No. Faks: 09-743 9088

l) **Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif**
Agrobank (Bank Pertanian Malaysia Berhad)
Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815
50726 KUALA LUMPUR.

(u.p: Bahagian Perniagaan Perbankan)

No. Tel : 03-2731 1600 / 2097

No. Faks : 03-2694 6457

m) **Pengarah Urusan**

TEKUN Nasional

No.2 Jalan Tasik Selatan 4, Bandar Tasik Selatan

57000 Cheras


KUALA LUMPUR.

(u.p: Jabatan Projek Khas)

No. Tel : 03-9058 5550

No. Faks: 03-9059 5777


12.1 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PROJEK PERMULAAN (GERAN IKC)



12.2 CARTA SEMAK PROSES PERMOHONAN GERAN IKC

PERINGKAT	TINDAKAN /TANGGUNGJAWAB
Jabatan/Agensi MOA di Daerah & Negeri	<ul style="list-style-type: none"> a) Penerimaan borang permohonan peserta (Pegawai Jabatan/Agensi memberi khidmat nasihat dan bimbingan) b) Siasatan dan Penilaian dalam masa 7 hari bekerja c) Membuat Sokongan & Laporan siasatan d) Kemukakan dokumen lengkap ke Jabatan/Agensi di Negeri
Jabatan/Agensi di Negeri	<ul style="list-style-type: none"> a) Menyokong dan mempertimbangkan permohonan b) Penilaian dalam masa 3 hari bekerja c) Kemukakan dokumen lengkap ke Jabatan/Agensi di Ibu Pejabat
Jabatan/Agensi di Ibu Pejabat	<ul style="list-style-type: none"> a) Menyemak dokumen-dokumen serta surat sokongan yang lengkap b) Semakan dokumen dalam tempoh 3 hari bekerja c) Kemukakan dokumen lengkap ke UAM, MOA
MOA	<ul style="list-style-type: none"> a) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Geran IKC b) Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Geran IKC c) Memaklumkan keputusan permohonan kepada Jabatan/Agensi d) Mengeluarkan surat tawaran e) Pelaporan & Pangkalan Data
Agrobank/TEKUN	<p>Mengeluarkan Cek Pembiayaan (jika berkaitan) *Buat satu carta alir pengembangan</p>

12.3 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PROJEK PENGEMBANGAN (PEMBIAYAAN)



- ❖ Borang UAM 01/14 (pin.01/16), dikemukakan ke Pejabat Jabatan/Agensi berkaitan dan berhampiran
- ❖ Menyediakan RP Lengkap (Dengan Bimbingan Jabatan/Agensi)
- ❖ Mengemukakan borang permohonan pembiayaan Agrobank/TEKUN Nasional

- ❖ Menyemak borang dan dokumen pemohon
- ❖ Menyediakan Laporan & Sokongan (Borang UAM 05/17)

- ❖ Menyemak dan menyokong (Borang UAM 05/17)

- ❖ Menyemak dan memperakukan (Borang UAM 05/17)
- *Menghantar dokumen lengkap ke UAM, MOA

- ❖ Memperaku permohonan pembiayaan
- ❖ Menghantar dokumen lengkap ke agensi pembiaya Agrobank/TEKUN Nasional

- ❖ Proses Kelulusan pembiayaan:
 - Tekun 7 hari bekerja
 - Agrobank 12 hari bekerja
 - Agrobank/TEKUN Nasional memaklumkan kelulusan kepada UAM dan seterusnya dipanjangkan kepada Jabatan/Agensi

- ❖ Laporan kemajuan & Pemantauan berkala oleh Jabatan/Agensi Daerah/UAM menggunakan BORANG UAM 02/14 (Pin. 1/16)

12.4 CARTA SEMAK PROSES PERMOHONAN PEMBIAYAAN (PENGEMBANGAN)

PERINGKAT	TINDAKAN /TANGGUNGJAWAB
Jabatan/Agensi MOA di Daerah & Negeri	<ul style="list-style-type: none">a) Penerimaan borang permohonan peserta (Pegawai Jabatan/Agensi memberi khidmat nasihat dan bimbingan)b) Membuat Sokongan & Laporan siasatanc) Siasatan dan Penilaian bersama agensi pembiaya dalam masa 7 hari bekerjad) Kemukakan dokumen lengkap ke Jabatan/Agensi di Negeri
Jabatan/Agensi di Negeri	<ul style="list-style-type: none">a) Menyokong dan mempertimbangkan permohonanb) Penilaian bersama agensi pembiaya dalam masa tiga (3) hari bekerjac) Kemukakan dokumen lengkap ke Jabatan/Agensi di Ibu Pejabat
Jabatan/Agensi di Ibu Pejabat	<ul style="list-style-type: none">a) Menyemak dokumen-dokumen serta surat sokongan yang lengkapb) Semakan dokumen bersama agensi pembiaya dalam tempoh 3 hari bekerjac) Kemukakan dokumen lengkap ke MOA
MOA	<ul style="list-style-type: none">a) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Geran IKC dan pembiayaanb) Mengeluarkan surat sokonganc) Mengemukakan dokumen kepada agensi pembiaya untuk penilaian pembiayaan
Agrobank/TEKUN	<ul style="list-style-type: none">a) Semakan dan keputusan pembiayaanb) Mengeluarkan Cek Pembiayaan (jika berkaitan)

PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS PERANCANGAN PERNIAGAAN YANG LENGKAP BAGI PERMOHONAN GERAN *IN-KIND CONTRIBUTION* (IKC) / PEMBIAYAAN

<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>	
1	Kertas Rancangan Perniagaan	
	i. Tujuan	<input type="checkbox"/>
	ii. Latar belakang projek / perniagaan	<input type="checkbox"/>
	- Pengenalan	
	- Latar belakang pengusaha	
	iii. Rancangan pengurusan	<input type="checkbox"/>
	iv. Rancangan pemasaran	<input type="checkbox"/>
	v. Rancangan operasi	<input type="checkbox"/>
	- Status terkini projek / perniagaan	
	- Cadangan penggunaan melalui bantuan *Geran IKC / Pembiayaan	
	vi. Rancangan Kewangan	<input type="checkbox"/>
	- <i>Cash Flow</i> / Aliran tunai untuk tempoh 5 tahun	
	v. Penutup	<input type="checkbox"/>
2	Gambar projek / perniagaan	<input type="checkbox"/>
3	Salinan sijil pendaftaran syarikat (SSM) – jika berkaitan	<input type="checkbox"/>
4	Salinan keterangan hakmilik *tanah / premis	<input type="checkbox"/>
5	Salinan surat perjanjian penyewaan *tanah / premis - jika berkaitan	<input type="checkbox"/>

* *Potong yang berkenaan*

** *Sertakan bersama Borang UAM 01/14 (pin. 01/16) beserta salinan kad pengenalan dan gambar passport pemohon*

** *Sertakan bersama Borang pembiayaan Agrobank / TEKUN Nasional – jika berkaitan*